



NASIB...
pintu utama
sekolah
dinaiki air
setiap musim
tengkujuh.

Longkang tersumbat punca banjir

KEMAMAN: Banjir di depan pintu masuk Sekolah Menengah Kebangsaan Geliga (SMKG), di sini, semakin teruk walaupun pelbagai usaha dibuat penduduk sejak tiga tahun lalu termasuk mengadu kepada pihak berkuasa tempatan (PBT).

Ibu bapa pelajar mendakwa PBT atau pihak bertanggungjawab seolah-olah tidak prihatin apabila membiarkan masalah itu berlarutan dan menghantui pelajar serta guru sekolah berkenaan.

Zulkarnain Zubir, 39, dari Kampung Geliga Baru, ber-

kata, sebelum ini, Majlis Perbandaran Kemaman, Pejabat Daerah dan Jabatan Kerja Raya datang membuat tinjauan, tetapi tiada sebarang tindakan diambil.

“Penduduk jemu menghadapi masalah banjir setiap tahun, malah pelajar dan guru sudah tidak sanggup berdepan fenomena sama setiap musim tengkujuh.

“Banjir berpunca daripada longkang luar kawasan sekolah yang tidak teratur hingga tersumbat dengan lumpur yang turun dari bukit berdekatan seterusnya

menghalang aliran air.

“Hujan lebat menyebabkan air bertakung di depan pintu utama mengakibatkan pelajar dan guru menghadapi pelbagai kesulitan termasuk kesesakan lalu lintas,” katanya.

Bapa pelajar, Muhammad Ali Razak, 50, berkata, dia terpaksa menggunakan kenderaan menghantar anak ke sekolah memandangkan kawasan pintu masuk banjir.

“Biasanya anak berjalan ke sekolah kerana jarak dari rumah hanya 100 meter, tetapi jika hujan saya terpaksa menghantarnya,” katanya.